

19 NOV 1997

Dewan-Mahathir (Perak)

DEWAN PERAK LULUS USUL SOKONG PERCAYA KEPADA PERDANA MENTERI

IPOH, 19 Nov (Bernama) -- Dewan Undangan Negeri Perak hari ini meluluskan sebulat suara usul menyokong kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta membantah tindakan 34 anggota Kongres Amerika Syarikat (AS) yang mahu membawa usul mendesak beliau meletak jawatan atau meminta maaf bersabit kenyataannya yang didakwa anti-Yahudi.

Dr Mahathir sendiri telah berulang-kali menjelaskan bahawa kenyataannya telah disalah-ertikan dan beliau bukan anti-Yahudi.

Empat wakil parti komponen Barisan Nasional -- UMNO, MIC, MCA dan Gerakan -- serta wakil tunggal pembangkang daripada DAP, yang mengambil bahagian dalam perbahasan usul itu masing-masing menganggap usul anggota kongres itu sebagai tindakan tidak bertamadun.

Selain meminta negara luar tidak campur tangan dalam urusan politik negara, mereka turut mendesak 34 anggota kongres itu menarik balik usul berkenaan.

Usul yang dibawa oleh Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib itu berbunyi bahawa Dewan Undangan Negeri Perak membantah sekeras-kerasnya tindakan anggota Kongres meminta Dr Mahathir meletak jawatan atau meminta maaf, serta menyokong dan berdiri teguh di bawah kepimpinan Dr Mahathir dalam menangani sebarang masalah.

Dalam huraianya mengenai usul itu, Ramli berkata usul anggota kongres itu merupakan satu penonjolan politik sempit, sifat angkuh dan tidak menghormati Malaysia, sebuah negara yang berdaulat dan Merdeka.

Menurut Ramli, Dr Mahathir yang merupakan pemimpin negara Islam sentiasa bersikap toleransi kepada mereka yang bukan beragama Islam di Malaysia mahupun di negara lain.

"Kelantangannya membangkitkan kekejaman Serb di Bosnia yang rakyatnya terdiri daripada orang Islam, Yahudi dan Kristian, telah memaksa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menjalankan usaha menyelamatkan Bosnia dan rakyatnya", kata beliau.

Malah katanya, Malaysia sendiri telah menghulur bantuan kewangan dan ketenteraan yang telah menaikkan moral dan integriti rakyat Bosnia termasuk berbangsa Yahudi, sebagai satu bangsa dan negara.

Menurutnya, Dr Mahathir juga turut menjadi jaguh menentang sistem perkauman di Afrika Selatan dan bantuan yang disumbangkan oleh Malaysia kepada negara itu turut dinikmati pelbagai lapisan rakyat termasuk Yahudi.

"Oleh itu dakwaan mereka bahawa Dr Mahathir anti-Yahudi tidak berasas dan usul oleh anggota Kongres AS itu sebagai perbuatan melulu dan sama-sekali tidak wajar dan perlu dibantah."

Datuk Haji Mohamad Padil Harun (BN-Lintang) yang menyokong usul itu menyifatkan tindakan anggota kongres berkenaan sebagai tidak bersopan dan biadap.

Yik Phooi Hong (BN-Buntong) pula berkata, AS tidak mempunyai hak untuk mencampuri pentadbiran negara kerana Malaysia bukan negara jajahan mereka sementara Siew Kok Kan (BN-Kuala Sepetang) pula mendesak 34 anggota kongres itu menarik balik usul berkenaan.

S. Veerasingam (BN-Sungkai) berpendapat tindakan anggota kongres itu sebenarnya kerana mereka mencemburi kepimpinan Dr Mahathir yang berjaya membangunkan Malaysia tanpa bantuan luar.

Hu Chan You (DAP-Sitiawan) yang turut menyokong usul menyokong kepimpinan Dr Mahathir itu berkata, Malaysia ada hak untuk mengurus negara sendiri tanpa diganggu-gugat oleh negara luar. -- BERNAMA

LAT NMO